



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
9 Januari 2026





RAMANAN pada sidang akhbar di Ibu Pejabat PTPK di Menara Dato Onn, WTCKL, Kuala Lumpur semalam.

200,000 gagal bayar balik pinjaman

KUALA LUMPUR – Seramai 200,000 peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) masih belum membuat pembayaran balik pinjaman sejak tahun 2000.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, mereka disaran melunaskan bayaran balik pinjaman bagi mengelakkan sekatan perjalanan ke luar negara.

Katanya, sekatan itu bukan bertujuan menghukum, sebaliknya bagi memastikan manfa-

atnya PTPK dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

"Sekatan dibuat bagi memperkukuh penguatkuasaan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) ke atas peminjam yang gagal melunaskan bayaran balik pinjaman.

"Ia bertujuan menjamin keadilan dalam pengurusan dana awam selain menghargai peminjam yang komited memenuhi tanggungjawab mereka," katanya selepas lawatan rasmi ke Ibu

Pejabat PTPK di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini semalam.

Menurutnya, PTPK akan beralih sepenuhnya kepada permohonan pembiayaan secara dalam talian mulai hari ini bagi memudahkan akses kepada rakyat dan mempercepatkan pemprosesan seawal lima hari.

Katanya, PTPK juga akan memperkenalkan program kutipan bayaran balik melalui pendekatan turun ke lapangan.

9 Januari 2026

Nasional

PTPK sekat lebih 200,000 peminjam ke luar negara

Tindakan tegas diambil kepada individu tak lunas bayaran balik sejak 2000

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan melaksanakan sekatan perjalanan ke luar negara terhadap lebih 200,000 peminjamnya yang gagal melunaskan bayaran balik pinjaman yang diterima mereka.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, berkata sekatan perjalanan itu dilaksanakan susulan kegagalan 200,000 peminjam terabit melunaskan bayaran balik pinjaman PTPK yang diterima sejak 2000.

"Sekatan ini bukan bertujuan untuk menghukum peminjam, sebaliknya bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan supaya manfaatnya dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

"Ia juga bagi menghargai peminjam yang komited memenuhi tanggungjawab mereka," katanya pada sidang media selepas lawatan kerja rasmi ke PTPK di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.



Ramanan ketika lawatan kerja rasmi ke PTPK di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam.
(Foto FB Kementerian Sumber Manusia)

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.

Turun ke lapangan

Selain itu, Ramanan berkata, PTPK juga akan memperkenalkan program kutipan bayaran balik melalui pendekatan turun ke lapangan.

Katanya, program itu bertujuan membantu peminjam memahami tanggungjawab mereka dan mengenal pasti kaedah penyelesaian bayaran balik yang lebih berkesan dan realistik.

"Pendekatan ini memberi fokus kepada sesi libat urus secara bersemuka," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha memperkasa bakat kemahiran tinggi, PTPK juga akan beralih sepenuhnya kepada permohonan pembiayaan dalam talian bermula hari ini.

Ramanan berkata, langkah pendigitalan itu bertujuan memudahkan akses kepada rakyat mempercepatkan pemprosesan serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap ketelusan sistem penyampaian perkhidma-

tan kerajaan.

"Bermula esok (hari ini), semua permohonan PTPK boleh dibuat secara dalam talian.

"Sebelum ini, semua permohonan pembiayaan PTPK akan mengambil masa 14 hari, namun selepas langkah pendigitalan ini, ia hanya akan mengambil masa selama lima hari," katanya.

Ramanan berkata, ketiga-tiga inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen kementerian dan kerajaan untuk memastikan PTPK kekal mampan dan berintegriti.